

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 8./95

Garis panduan / Peraturan Bagi Pekerja Sukarela Yang Menjalankan Aktiviti Keagamaan Di Hospital

1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menyelaraskan perkara-perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan sukarela di hospital iaitu yang melibatkan aktiviti-aktiviti keagamaan.

2. Latarbelakang

2.1. Kementerian mengalu-alukan perkhidmatan, bantuan dan sokongan yang boleh diberikan oleh pekerja sukarela di hospital. Peranan yang dapat dimainkan oleh pekerja sukarela dalam memenuhi keperluan sosial dan kebajikan pesakit serta juga bantuan kerohanian dapat membantu dalam proses pemulihan penyakit.

2.2. Bagi menyelaraskan aktiviti-aktiviti pekerja sukarela di hospital Kementerian telah mengeluarkan satu garis panduan mengenai perkhidmatan sukarela di hospital-hospital Kementerian Kesihatan (surat Pekeliling-Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan bil 7/94) . Di antara lain garis panduan ini meliputi perkara-perkara seperti objektif perkhidmatan sukarela, peranan pekerja sukarela, pegawai penyelaras dan pegawai pengawas, had dan batasan pekerja sukarela, etika kerja daii sebagainya.

2.3. Walaupun garis panduan tersebut secara am meliputi aktiviti keagamaan, adalah perlu perkara ini ditekankan semula memandangkan terdapat kejadian di mana pekerja sukarela mengambil kesempatan menjalankan aktiviti keagamaan kepada pesakit yang berlainan agama terutama mereka yang sakit tenat.

2.4. Peraturan yang disediakan bagi pekerja sukarela yang menjalankan aktiviti keagamaan di hospital (lampiran 1) adalah untuk mengelakkan dari timbulnya isu sensitif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini.

3. Tindakan Dan Tanggungjawab

Pengarah Kesihatan Negeri dan Pengarah Hospital adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan peraturan ini.

4. Pertanyaan

Segala pertanyaan mengenai peraturan ini hendaklah dikemukakan kepada ;

Pengarah Amalan Perubatan,

Bahagian Amalan Perubatan,

Kementerian Kesihatan Malaysia.

Jalan Duta

50590 Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

"KESIHATAN SEPANJANG HAYAT"

"KUALITI SEPANJANG MASA"

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Kementerian Kesihatan Malaysia.

LAMPIRAN 1

PERATURAN BAGI PEKERJA SUKARELA YANG MENJALANI AKTIVITI KEAGAMAAN DI HOSPITAL

1. Syarat yang diperlukan

1.1. Pekerja sukarela yang terlibat dengan aktiviti keagamaan perlu mempunyai surat tauliah/pengesahan dari badan/organisasi yang berkenaan.

1.2. Pekerja sukarela perlu mendaftar/memperkenalkan diri kepada pihak hospital/pegawai penyelaras sebelum menjalankan aktiviti.

2. Pesakit Terlibat/Aktiviti Yang Dijalankan

2.1. Pekerja sukarela hanya boleh menjalankan aktiviti keagamaan kepada pesakit yang sama agama dan kepercayaan dengannya.

2.2. Pekerja sukarela tidak dibenarkan campurtangan dengan perancangan proses dan prosedur rawatan pesakit termasuk aspek kejururawatan dan pemulihan.

2.3. Pekerja sukarela memastikan aktiviti yang dijalankan tidak mengganggu urusan rawatan pesakit.

3. Persetujuan/Kebenaran

3.1. Pekerja sukarela perlu memperolehi persetujuan dari pesakit dan / atau saudara mara terdekat sebelum menjalankan aktiviti keagamaan.

3.2. Pekerja sukarela perlu mendapat kebenaran dari pihak hospital sebelum menjalankan aktivitinya.